



TERMA DAN SYARAT CABUTAN EXTRAVAGANZA KT 2018

1. Tempoh Kempen

Kempen Cabutan EXTRAVAGANZA KT 2018 (“Kempen”) anjuran Koperasi Tentera (“KT”) akan bermula pada **02 Januari 2018 hingga 29 Jun 2018** (“Tempoh Kempen”). KT berhak mengubah tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen dengan memberikan notis terdahulu selama tujuh (7) hari kalendar.

2. Kelayakan

Tertakluk kepada terma dan syarat di dalam ini, kempen ini adalah terbuka kepada semua anggota KT yang layak memohon pembiayaan kecuali Anggota Lembaga Pengarah Koperasi Tentera & kakitangan tetap atau kontrak Koperasi Tentera atau anak syarikatnya serta anggota keluarga terdekat iaitu suami, isteri, anak, ibubapa & adik beradik (“anggota KT yang layak”).

3. Syarat Penyertaan

a) Kriteria kelayakan bagi permohonan pembiayaan anggota yang telah diluluskan adalah seperti berikut:-

KELULUSAN PEMBIAYAAN	KRITERIA KELAYAKAN
RM10,000 ke bawah	1 x penyertaan
RM10,001 – RM30,000	2 x penyertaan
RM30,001 – RM50,000	3 x penyertaan
RM50,001 – RM70,000	4 x penyertaan
RM70,001 – RM100,000	5 x penyertaan
RM100,001 ke atas	6 x penyertaan

- b) Penyertaan akan diambil kira daripada tarikh bermulanya tempoh kempen ini.
- c) Anggota KT boleh menyertai kempen sepanjang tahun 2018 dengan syarat memperolehi kelulusan untuk setiap pembiayaan namun hanya layak untuk memenangi satu hadiah sahaja dari mana-mana kempen.
- d) Anggota KT yang layak perlu mempunyai rekod pembayaran pembiayaan yang baik, aktif/sah dan tidak terbatal semasa pemilihan pemenang dijalankan.
- e) Sebarang penyertaan yang tidak memenuhi syarat akan secara automatik dibatalkan.
- f) Dengan menyertai Kempen ini, anggota KT yang layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat oleh Terma & Syarat di dalam ini dan bersetuju bahawa semua keputusan yang telah dibuat dengan adil dan munasabah oleh KT berkaitan dengan setiap aspek Kempen, termasuk hadiah yang akan diberikan dan penentuan pemenang hadiah adalah muktamad.
- g) Dengan menyertai Kempen ini, anggota KT yang layak dengan ini bersetuju bahawa tidak akan mempertanggungjawabkan KT sekiranya KT tidak dapat melaksanakan obligasinya di dalam ini secara keseluruhan atau sebahagian, yang berpunca secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan sebarang peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kerosakan elektrik, pertikaian perusahaan, peperangan, mogok, rusuhan, sebarang bencana alam di luar kawalan KT atau disebabkan oleh sebarang faktor dalam bentuk di luar kawalan munasabah KT.
- h) Dengan menyertai kempen ini juga, anggota yang layak dengan ini membenarkan dan bersetuju bahawa KT berhak menerbitkan dan/atau memaparkan, tanpa sebarang kos dikenakan terhadap anggota yang layak, bahan dan/atau maklumat termasuk tetapi tidak terhad kepada nama, nombor kad pengenalan, bandar kediaman dan gambar anggota yang layak yang memenangi hadiah untuk Kempen ini bagi tujuan pengiklanan dan publisiti dalam apa jua cara yang dianggapnya wajar. Ketidakpatuhan mungkin menyebabkan pemilihan pemenang peraduan yang lain.

- i) Anggota yang layak bertanggungjawab memastikan nombor telefon mudah alih atau alamat e-mel mereka yang diberikan adalah terkini dan dikemaskinikan dengan KT sekiranya mereka membuat apa-apa perubahan terhadapnya.

4. Hadiah-Hadiah Kempen

- a) Hadiah-hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

KEMPEN	HADIAH
Kempen Cabutan EXTRAVAGANZA	<p data-bbox="997 674 1214 707"><u>Hadiah Utama</u></p> <p data-bbox="887 741 1327 775">1 x Motorsikal Honda CBR 250</p> <p data-bbox="979 882 1233 916"><u>Hadiah Saguhati</u></p> <p data-bbox="1007 949 1206 983">3 x I-Phone X</p>

- b) Hadiah utama iaitu Motorsikal Honda CBR 250 yang dinyatakan adalah tidak termasuk yuran pendaftaran, cukai jalan, perlindungan insurans dan kos yang berkaitan.
- c) Semua hadiah yang diberikan tidak boleh dipindah milik mahupun ditukar dengan wang tunai atau barangan lain.
- d) Bagi sebarang pertikaian berhubung kualiti atau jaminan hadiah, pemenang hendaklah berurusan terus dengan pembekal tanpa sebarang hak menuntut balik dengan KT.
- e) Hadiah perlu dituntut oleh para pemenang dalam masa satu (1) bulan dari tarikh pengumuman dibuat. Sekiranya tiada tuntutan dalam masa yang ditetapkan, pihak KT berhak membatalkan nama pemenang dan digantikan dengan cabutan baru.
- f) Pihak KT berhak menukar atau menggantikan hadiah yang ditawarkan dengan hadiah yang lain tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.

5. Pemilihan Pemenang

- a) Jumlah penyertaan yang memenuhi syarat kelayakan akan dipilih secara rawak melalui program komputer pada bulan Julai 2018.
- b) Sebanyak 3 cabutan akan dilaksanakan bagi hadiah saguhati dan 1 cabutan bagi hadiah utama.
- c) Ketika pemilihan dibuat, rekod pembayaran pembiayaan pemenang adalah di dalam keadaan yang baik, aktif/sah dan tidak terbatal.
- d) Pemenang akan dihubungi oleh pihak KT melalui nombor telefon yang didaftarkan selama 3 hari berturut-turut dan surat pengesahan akan dihantar kepada pemenang muktamad di alamat surat-menyurat yang didaftarkan setelah berjaya dihubungi.
- e) KT tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara jua sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab.
- f) Pihak KT mempunyai hak mutlak untuk memilih pengganti pemenang apabila perlu tetapi tidak terhad kepada senario berikut:-
 - Pemenang gagal dihubungi selama 3 hari berturut-turut
 - Pemenang tidak menuntut hadiah dalam tempoh yang ditetapkan
 - Pemenang telah menawarkan untuk membatalkan hadiahnya
- g) Senarai pemenang akan dipaparkan di laman sesawang KT atau mana cara lain yang sesuai atau praktikal pada akhir tempoh kempen.
- h) Semua keputusan yang dibuat oleh pihak KT adalah muktamad dan segala surat-menyurat, rayuan atau bantahan tidak akan dilayan.
- i) Bagi tujuan tuntutan hadiah, pemenang perlu menanggung perbelanjaan mereka sendiri untuk mengambil hadiah tersebut pada tarikh dan tempat yang ditentukan oleh pihak KT.

6. Terma dan Syarat Am

- a) KT berhak menggantung, membatalkan, menamatkan atau menarik balik Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar kepada anggota yang layak. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang penggantungan, pembatalan, penamatan atau penarikan balik Kempen ini tidak akan memberikan hak kepada anggota yang layak untuk membuat sebarang tuntutan atau menuntut sebarang pampasan terhadap KT di atas

sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh anggota yang layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan penggantungan, pembatalan, penamatan atau penarikan balik tersebut.

- b) KT berhak, dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memotong, memodifikasi, meminda atau sebaliknya walau bagaimanapun jua) ("Pindaan") mana-mana terma dan syarat di dalam ini. Makluman tentang Pindaan kepada anggota yang layak akan dilakukan menurut budi bicara mutlak melalui laman sesawang KT atau melalui sebarang cara makluman lain yang boleh dipilih oleh KT. Pindaan akan dianggap mengikat dari tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh yang boleh ditetapkan oleh KT dalam makluman.
- c) Anggota yang layak mengakui dan bersetuju mengakses laman sesawang KT dengan tetap untuk membaca Terma dan Syarat dan memastikan mereka mempunyai pengetahuan terkini mengenai apa-apa perubahan pada Terma dan Syarat ini.
- d) Terma dan Syarat ini (seperti yang dipinda dari semasa ke semasa selaras dengan Klausula 6) akan mengatasi sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan promosi lain yang mengiklankan Kempen ini.
- e) Untuk maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Peraduan ini, peserta anggota yang layak boleh menghubungi 1-300-8000-58.